



مجلس أمناء إسلام
دائراً عادت ملايو فیراق



Wadah MAIPK



**AGIHAN ZAKAT KEPADA 26,771 PENERIMA
BANTUAN PERSEKOLAHAN 2021 DAN SUMBANGAN
KEBAJIKAN MAIPK BERJUMLAH
RM7.46 JUTA**



**TIGA MANGSA KEBAKARAN
TERIMA BANTUAN
BINA RUMAH MAIPK**

**PELANCARAN KAD PRABAYAR
VISA GOPAYZ MAIPK (TA'AWUN):
PERKHIDMATAN KEWANGAN MESRA
MUSLIM PERTAMA DI MALAYSIA**

**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

MULTAQA JAWATANKUASA FATWA SELURUH MALAYSIA

TARIKH: 4 SAFAR 1442 / 22 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

MASA: 10.00 PAGI

TEMPAT: SAMA-SAMA HOTEL, KLIA, KUALA LUMPUR.

'Ke Arah Memartabatkan Institusi Fatwa'

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Maha Suci ALLAH jualah segala pujian. Bagi Nya keagungan di langit dan di bumi.¹ Dialah yang menurunkan *as-Sakinah*, ketenteraman ke dalam hati orang yang beriman, agar mereka bertambah imannya. ALLAH Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.² Maka, bertasbihlah dengan memuji nama Tuhan mu Yang Maha Besar.³

2. 'FATWA' bermaksud penjelasan hukum-hukum bersumberkan al-Quran berdasarkan dalil syarie, berkaitan isu-isu semasa dalam urusan kehidupan harian, merangkumi agama, ibadat dan tatasusila.⁴ Berpandukan pelbagai bahan penulisan, secara umumnya fatwa merupakan pendapat perundangan, iaitu penjelasan perundangan yang tidak terikat untuk dikuatkuasakan; tetapi bersandarkan peruntukan-peruntukan tertentu dalam sistem perundangan di Malaysia, fatwa ditakrif sebagai kenyataan mufti yang diwartakan dan diketahui umum,⁵ yang boleh dikuatkuasakan dan diiktiraf dalam mahkamah syariah.⁶ Dalam konteks negara Malaysia, fatwa ialah suatu pandangan hukum Islam, bertujuan memberikan penjelasan dan pencerahan perkara-perkara berkenaan agama Islam, yang dikeluarkan oleh seseorang mufti bertauliah setelah mendapat perkenan Raja Pemerintah di negeri masing-masing. Fatwa berperanan penting menangani pengabsahan agama, pertikaian kepercayaan, kritikan politik atau penerahan politik.

3. Mengeluarkan fatwa adalah selaras dengan firman ALLAH Subhanahu Wata'ala yang terkandung dalam ayat 127 dan 176 Surah An-Nisa':

"Dan mereka meminta fatwa kepada mu tentang perempuan. Katakan: ALLAH memberi fatwa kepada mu tentang mereka, dan apa yang dibacakan kepada mu dalam al-Quran ...";⁷ (terjemahan ayat 127, Surah An-Nisa').

"Mereka meminta fatwa kepada mu (tentang *kalalah*). Katakanlah ALLAH memberi fatwa kepada mu tentang *kalalah*...";⁸ (terjemahan ayat 176, Surah An-Nisa')

4. Sebahagian besar ayat-ayat yang terkandung dalam al-Quran merupakan penjelasan kepada persoalan-persoalan yang memerlukan pencerahan; merupakan jawapan dalam bentuk wahyu ILAHI yang disampaikan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam melalui Jibrail Alaihissalam. Situasi konsultasi yang mendapat respons secara langsung daripada ALLAH Subhanahu Wata'ala berakhir setelah wafatnya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam pada tahun 632 Masihi. Ayat 40 Surah Al-Ahzab bermaksud:

"Muhammad itu ... ialah utusan ALLAH dan penutup para nabi..."⁹

Ayat tersebut memaklumkan, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam ialah Rasul terakhir; selepas Baginda wafat, tidak ada lagi Rasul, bermakna ALLAH Subhanahu Wata'ala tidak lagi berkomunikasi dengan manusia secara wahyu yang disampaikan kepada seorang Rasul, lantas umat Islam tidak lagi berpeluang melihat secara langsung keberibadian seorang Rasul, demikian juga ajaran yang diwahyukan secara langsung daripada ILAHI.¹⁰

1 Al-Quran, Al-Jathiyah, (45:36-37).

2 Al-Quran, Al-Fath, (48:44).

3 Al-Quran, Al-Waqi'ah, (56:57).

4 Mohd Farid bin Mohd Shahrin, "Fatwa dalam Usul Fiqah serta Kepentingannya dalam Lingkungan Semasa" dlm Fatwa dan Perbandingan Pandangan: Cabaran dan Penyelesaian, Penyunting, sunt. Mohd Farid bin Mohd Shahrin dan Mohamad A'sim bin Ismail (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2018), 40.

5 Zaini Nasohah, Zuliza Mohd. Kusin, Hayatulhah Laludin, Mohd. Rizal Muwazir, "Stand-

ardisation of Fatwa in Malaysia: Management and Problems", <https://www.researchgate.net/publication/283968121>.

6 Ibid.

7 Al-Quran, Surah An-Nisa' (4:127)

8 Al-Quran, Surah An-Nisa' (4:176)

9 Al-Quran, Surah Al-Ahzab (33:40)

10 Muhammad Khalid Masud, Brinkley Messick, David S. Powers, Muftis, Fatwas, and Islamic Legal Interpretation, (<http://ijtihadnet.com/islamic-legal-interpretation-muftis-and-their-fatwas>), 6.

5. Islam berkembang pesat selepas wafatnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, merentasi kawasan geografi yang luas; bilangan umat Islam bukan sahaja bertambah ramai, malah terdiri daripada komposisi etnik yang pelbagai, memiliki pelbagai latar belakang sejarah - menguasai pelbagai bahasa - mengamalkan pelbagai budaya. Islam yang berkembang begitu pesat lagi pantas, mencetuskan pelbagai cabaran baharu yang perlu ditangani. Pada peringkat awal pasca kewafatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, para 'Sahabat' Baginda menjadi sumber rujukan umat Islam, ia itu kalangan 'Sahabat' yang berpeluang berinteraksi secara langsung dengan Baginda, lalu berada dalam kedudukan yang memiliki kelebihan untuk menangani persoalan dan isu yang dihadapi.

6. Rekod yang terkandung dalam sumber-sumber tradisi mencatatkan terdapat 130 orang berada dalam kategori yang diiktiraf sebagai para 'Sahabat' yang memenuhi peranan mufti dalam abad ketujuh Masihi.¹¹ Zayd bin Thabit, Setiausaha kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam berperanan penting mengeluarkan dan mengumpul pelbagai fatwa antara tahun 634 sehingga 666 Masihi; Mu'adh bin Jabal semasa menjawat jawatan Gabenor Yemen pada tahun 640 Masihi dilaporkan mengeluarkan fatwa mengenai pelbagai perkara menyentuh kesucian ibadah dan kemurnian adab; Ibn 'Abbas diiktiraf sebagai mufti yang paling prolific dalam kalangan 'Sahabat' telah menghasilkan fatwa yang terkumpul dalam dua puluh jilid.¹²

7. Masyarakat Islam terputus mendapat bimbingan daripada para 'Sahabat' setelah kesemua mereka kembali ke Rahmatullah. Lalu berlaku vakum atau kekosongan. Alhamdulillah, kesahihan dan kesucian ajaran Islam kekal terpelihara dan dilindungi kerana wujudnya mekanisme penting, dikenali sebagai 'Paradigma Isnad'; mekanisme pemantauan yang meletakkan nilai tinggi kepada elemen manusia yang berupaya memberikan tafsiran setepat mungkin kandungan al-Quran dan Hadis; memenuhi tugas penting daripada generasi sebelum kepada generasi terkemudian, menghubungkan umat dengan al-Quran dan Hadis.¹³

8. Mulai abad kelapan Masihi, sekumpulan umat Islam secara taat lagi berdedikasi memelihara dan menganalisis kebenaran ilmu-ilmu yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis; mereka dikenali sebagai ulama; kalangan ilmuwan yang diiktiraf memiliki pengetahuan, dan dijadikan sumber rujukan, amalan yang selaras dengan kandungan ayat 43, Surah An-Nahl:

"...Oleh itu, bertanyalah kamu kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui"¹⁴

9. Pada peringkat awal selepas berakhirnya era para 'Sahabat', seseorang yang memiliki pengetahuan agama dan ketakwaan, berada dalam kedudukan yang melayakkannya mengeluarkan fatwa. Sebelum jawatan mufti diinstitusikan sebagai jawatan awam mulai abad kesebelas, sesiapa jua yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang syariah berada dalam kedudukan membolehkan mereka mengeluarkan fatwa; kumpulan ini dirujuk sebagai mufti persendirian. Dari abad ketujuh sehingga abad kesepuluh, mufti-mufti persendirian berada dalam kumpulan pengajian kecil yang memformulasikan mekanisme kawal selia sesama mereka. Menjelang abad kesebelas, dalam hasrat mahu menzahirkan sokongan dan menjalinkan kerjasama dengan para ulama dan sarjana Islam, pemerintah-pemerintah di beberapa buah negara Islam, mula menubuhkan yaysan-yaysan pengajian tinggi agama, dikenali sebagai madrasah. Syura berperanan sebagai forum membantu para mufti memahami, menghalusi dan menganalisis sesuatu isu dalam urusan menghasilkan sesuatu fatwa.

10. Mulai abad kesebelas, beberapa pemerintahan Islam mula melantik mufti secara rasmi. Kesultanan Mamluk melantik

empat orang mufti; seorang mufti untuk setiap mazhab Sunah Waljamaah yang ditempatkan di mahkamah-mahkamah rayuan di ibu kota setiap wilayah. Sultan-sultan Mamluk turut mendapatkan pandangan mufti ketika menggubal dasar-dasar negara. Kerajaan Uthmaniyyah melantik mufti-mufti yang distrukturkan mengikut hierarki, diketuai oleh ketua mufti, bergelar Syekh al-Islam yang memiliki kuasa sangat penting lagi berpengaruh dan turut diberikan peranan untuk mengukuhkan autoriti politik kerajaan. Kerajaan Mughal dan Kerajaan Safawiyah turut mewujudkan hierarki dalam struktur institusi mufti, diketuai oleh seorang ketua mufti bergelar Sadr.

11. Di beberapa buah negara Islam, di samping mengeluarkan fatwa bila diminta oleh gabenor-gabenor daripada pelbagai wilayah, para mufti turut ditugaskan sebagai pakar perunding dan pakar rujuk di mahkamah, membantu para kadi ketika menjatuhkan hukuman, terutama dalam kes-kes yang berat, kes-kes yang tiada duluan, kes-kes yang sensitif, dan kes-kes yang melibatkan hukuman mati.¹⁵

12. Sejarah menunjukkan, apabila para mufti semakin bergabung dan semakin berdamping dengan birokrasi pemerintah, semakin kuatlah tekanan yang dikenakan ke atas para mufti untuk menyokong dasar-dasar yang digubal oleh pemerintah. Sultan-sultan Kerajaan Uthmaniyyah dilaporkan sering memohon fatwa daripada ketua mufti dalam perkara-perkara pentadbiran dan ketenteraan seperti mengisytiharkan jihad menentang Mamluk Kaherah dan Parsi Safawiyah.¹⁶ Fatwa turut dipohon daripada Ketua Mufti Kerajaan Uthmaniyyah ketika amalan-amalan sosial dan ekonomi yang baharu mahu diperkenalkan, merangkumi undang-undang kewangan dan jenayah yang digubal tidak berlandaskan syariah, percetakan buku-buku agama dan pemvaksinan.¹⁷

13. Sejarah turut merakamkan, terdapat fatwa yang bertelingkah mengenai subjek yang sama apabila fatwa dijadikan alat untuk mempengaruhi proses politik yang ketara berlaku pada awal era penjajahan Barat. Beberapa fatwa dikeluarkan untuk menjelaskan takrifan antara negeri yang rakyatnya memeluk Islam (Dar Al-Islam) dan negeri yang dilanda perang (Dar Al-Harab) atau negeri yang rakyatnya belum memeluk Islam (Dar Al-Kufur). Terdapat fatwa-fatwa yang mengkategorikan negara-negara di bawah kuasa Eropah sebagai negara perang atau kafir, lalu fikah digunakan untuk mewajibkan kaum Muslim menentang pemerintah atau berpindah, seperti fatwa-fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1803, oleh Shah Abdul Aziz di India dan pada tahun 1804 oleh Usman bin Fodio di Afrika Barat. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mereka berdua, kemudiannya dianggap tidak realistik. Pada tahun 1870, ulama India Utara mengeluarkan fatwa yang menyatakan Muslim India tidak diwajibkan untuk memberontak menentang penjajah atau berpindah. Kontroversi yang serupa berlaku di Algeria; fatwa yang diminta oleh pemimpin antikolonialisme Algeria, Abd Al-Qadir, bercanggah dengan fatwa yang dirujuk oleh kerajaan kolonial Perancis, ia itu fatwa yang dikeluarkan oleh mufti tempatan yang mengatakan Muslim yang tinggal di bawah pemerintahan bukan Islam, tidak diwajibkan untuk menentang pemerintah atau berpindah, jika mereka diberi kebebasan mengamalkan agama Islam oleh pihak pemerintah.¹⁸

14. Fatwa mengharamkan rokok selagi pihak British memonopoli tembakau yang dikeluarkan oleh Muftahid Iran Mirza Shirazi pada tahun 1891, berjaya mencapai matlamat.¹⁹ Pada tahun 1904, seorang ulama di Maghribi telah mengeluarkan fatwa yang membolehkan Kerajaan Maghribi memecat seorang pakar berketurunan Eropah yang digaji oleh Kerajaan Maghribi; dan fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1907, berjaya memakzulkan (impeach) Sultan Maghribi atas dakwaan Sultan Maghribi gagal mengerahkan pertahanan untuk menentang serangan Perancis.²⁰ Beberapa orang Sultan Kerajaan Uthmaniyyah dan Maghribi dimakzulkan berlandaskan fatwa yang dikeluarkan; Sultan

11 Ibid, 7.

12 Ibid.

13 Ibid.

14 Al-Quran, Surah An-Nahl (16:43)

15 Muhammad Khalid Masud, Brinkley Messick, David S. Power, *Muffis, Fatwas, and Islamic Legal Interpretation*, 10.

16 Hendrickson, Jocelyn, "Fatwa", dari Gerhard Bowering, Patricia Crone (editor) *The Princeton Encyclopedia of Islamic Thought*, (Princeton: Princeton University Press, 2003)

17 Dallah, Ahmad S, Hendrick, Jocelyn, "Fatwa Modern Usage", daripada John L. Esposito, *The Oxford Encyclopedia of Islamic World*, (Oxford: Oxford University Press, 2009)

18 Ibid.

19 Ibid

20 Ibid.

Murad V umpamanya telah dimakzulkan kerana dirumuskan tidak waras. Pelbagai peristiwa yang berlaku dalam sejarah, menunjukkan seseorang mufi melalui fatwa yang dikeluarkan, bukan sahaja memiliki kebebasan malah turut memiliki pengaruh.

15. Ketika negara-negara Islam berada di bawah jajahan Eropah, pengasasan Dar Al-Ifa ditubuhkan di pelbagai madrasah, berperanan sebagai pusat pengajian perundangan, berfungsi sebagai pusat pengeluaran fatwa, bertanggungjawab mengeluarkan nasihat agama kepada masyarakat awam, menggantikan peranan mufi persendirian. Selepas mencapai kemerdekaan daripada jajahan Barat, kebanyakan negara Islam mentadbir lembaga kebangsaan untuk mengeluarkan fatwa. Walaupun masih terdapat fatwa yang dikeluarkan secara individu oleh para ilmuwan Islam, namun norma yang semakin diamalkan dan diterima, ialah proses mengeluarkan fatwa berlandaskan syura dan perbincangan yang dilakukan secara kolektif.

16. Dunia kini semakin kompleks. Tidak ada seorang individu yang berupaya menguasai semua disiplin pengajian dan memiliki pelbagai pengetahuan, dan tidak ada individu yang boleh menganggap dirinya serba tahu. Oleh itu proses konsultasi amat perlu diamalkan sebelum sesuatu fatwa yang sahih dapat dikeluarkan; kerana itu majoriti ulama berpendirian, ijihad hendaklah dilakukan secara kolektif.

17. Pada era ini, urusan mengeluarkan fatwa memerlukan kapasiti melakukan penyelidikan berdasarkan realiti semasa dalam persekitaran yang sudah jauh berbeza, agar fatwa-fatwa yang dikeluarkan berupaya menangani cetusan idea, teknologi, tuntutan dan perkembangan terkini, merangkumi perbankan, kewangan dan insurans; transaksi jual beli dan urus niaga dalam talian, perusahaan dan perdagangan; pendidikan, perubatan, kecerdasan buatan, sains dan teknologi; khidmat sosial, jaringan media dan langit terbuka; pencemaran, pemanasan global dan pelbagai subjek lagi. Perkembangan-perkembangan yang berlaku menuntut kepada perlunya dilakukan penghijrahan minda ketika menilai dan ketika menaksir sesuatu isu; kesediaan menganalisis sesuatu isu dari pelbagai dimensi, kesediaan meneliti pelbagai butiran di sebalik sesuatu isu, keupayaan memahami pelbagai polemik yang berlegar, agar sesuatu isu dapat difahami dengan jelas, demi memastikan fatwa yang dikeluarkan berupaya membuktikan syariat Islam kekal relevan dan terus bertenaga membela kemaslahatan umat Islam dan memperlancarkan hidup mereka (taysir).

18. Justeru itu, negara-negara Islam dan kerajaan yang negaranya mempunyai majoriti penduduk Islam pada umumnya memilih untuk menubuhkan jawatankuasa, badan, institusi atau majlis yang berperanan dan bertanggungjawab menasihati kerajaan dalam perkara-perkara agama serta mengeluarkan fatwa.

19. Kecekapan pejabat Syeikh al-Islam Kerajaan Uthmaniyyah pada abad keenam belas, digambarkan dengan keupayaan mengeluarkan 350 fatwa, dua kali seminggu untuk menjawab pelbagai persoalan yang diajukan.²¹ Abu al-Su'ud, Syeikh al-Islam pada tahun 1545 ke-1574 Masihi, dilaporkan dua kali, menulis lebih daripada 1,400 fatwa dalam sehari.²² Dunia yang bertambah kompleks tentunya menghamparkan lebih banyak persoalan yang memerlukan jawapan pada hari ini. Memandang ke hadapan, institusi mufi memerlukan perkhidmatan kaedah dan pendekatan dalam menangani cabaran dunia semasa, demi menjamin institusi mufi kekal dihormati sebagai sumber rujukan agama yang berwibawa. Dalam proses mengeluarkan fatwa amatlah penting untuk diberikan perhatian kepada lapan komponen berikut:

Pertama: Memastikan fatwa yang dikeluarkan, diterima secara positif dengan hati yang terbuka, berupaya meneguhkan pegangan ummah terhadap Islam dan

mendekatkan mereka dengan Penciptanya; dan tidak dianggap berunsur mengongkang dan menekan.

Kedua: Memberikan ruang masa perundingan yang cukup dan melakukan perundingan silang (cross consultation) termasuk mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan (stakeholders) ketika menangani isu-isu baharu yang belum ada duluan, demi menjamin fakta-fakta dapat dianalisis secara mendalam, komprehensif dan teliti.

Ketiga: Mengambil ingatan bahawa semakin ramai ummah memiliki pendedahan pendidikan yang lebih terbuka, memiliki daya intelek tinggi, bersifat ingin tahu (inquisitive), berfikiran kritikal, melakukan kajian dan rujukan perbandingan dan tidak mudah memamah dan menerima sesuatu perkara sebelum diyakinkan.

Keempat: Kemajuan teknologi komunikasi telah mengubah peranan, sambutan dan penerimaan fatwa dalam masyarakat moden. Dalam era Internet, telah muncul banyak laman sesawang mengandungi pelbagai fatwa, yang boleh dirujuk sebagai sumber alternatif dalam kalangan ummah untuk mendapatkan fatwa.

Kelima: Urusan fatwa tidak berakhir di peringkat mengeluarkan fatwa. Mekanisme penghebahan dan penerangan perlu dilaksanakan melalui pelan komunikasi yang berkesan agar sesuatu fatwa dapat difahami, diterima, dihargai dan dihayati.

Keenam: Sensitif terhadap realiti persekitaran masyarakat, persekitaran negara dan persekitaran dunia yang terdiri daripada pelbagai agama, kumpulan etnik, budaya dan ideologi politik, agar susun kata sesuatu fatwa tidak mengundang polemik dan kontroversi hingga berpotensi mencetuskan konflik, persengketaan dan persepsi negatif terhadap Islam.

Ketujuh: Teguh dengan tafsiran berlandaskan ajaran Islam serta teguh berkecuali daripada sebarang kecondongan politik kepartian dan sama sekali tidak bersubahat dengan sebarang usaha yang membolehkan matlamat menghalalkan cara, hatta jika diarahkan oleh mana-mana pihak yang berkuasa sekalipun.

Kelapan: Kebijaksanaan dan hikmah melakukan perimbangan ketika menimbangkan sesuatu arahan atau permintaan agar akauntabiliti utama terhadap ALLAH Subhanahu Wata'ala dan kepentingan ummah tidak dipinggirkan, demi menjamin kebenaran dapat ditegakkan dan keadilan dapat dilaksanakan.

20. Semoga para mufi dan para ulama akan dilimpahi kebijaksanaan dan kearifan membantu Raja Pemerintah menyempurnakan peranan dan menyempurnakan amanah sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing. Semoga Multaqa Jawatankuasa Fatwa yang dianjurkan ini, dirahmati dengan cahaya petunjuk daripada ALLAH Subhanahu Wata'ala, mencapai kata muafakat dan menghasilkan penemuan yang dapat membantu usah-usaha meningkatkan syiar Islam di bumi ini. Makbulkanlah doa kami ya ALLAH, *Amin Ya Rabbal 'Alamin*.

Dengan lafaz BISMILLAH RAHMANI RAHIM, Beta merasmikan Multaqa Jawatankuasa Fatwa Seluruh Malaysia.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

21 Muhammad Khalid Masud, ...12.

22 Ibid.

KUMPULAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD SERAH ZAKAT PERNIAGAAN RM2,141,250.00

KUALA LUMPUR, 4 Disember 2020 - Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyampaikan bayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan berakhir 2019 berjumlah RM2,141,250.00 kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK).

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah berkenan menerima zakat perniagaan bagi pihak MAIPK yang diserahkan Pengerusi Kumpulan PNB Tan Sri Dr. Zeti Aziz di Istana Perak. Turut hadir mengiringi ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tuan Zulqarnain Onn, Timbalan Presiden dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, YBhg. Dato' Mohd Nizam Zainordin, Ketua Jabatan Pengurusan Syariah, YBrs. Dr. Ahmad Basri Ibrahim.

Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja YABhg. Jen. (B) Dato' Seri Diraja Tan Sri Mohd Zahidi bin Haji Zainuddin, Yang Dipertua MAIPK YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin, Anggota MAIPK YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini dan YBhg. Dato' Dr. Afifi Al-Akifi serta Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari.



MAIPK AGIH ZAKAT BAGI BANTUAN PERSEKOLAHAN 2021 DAN SUMBANGAN KEBAJIKAN RM7.46 JUTA

IPOH, 26 Disember 2019 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan satu Majlis Penyerahan Bantuan Persekolahan dan Sumbangan Kebajikan di Hotel Casuarina, Meru. MAIPK mengambil peranan bagi memastikan semua golongan yang menerima bantuan zakat mendapat manfaat dan menggunakan wang tersebut dengan sebaiknya.

Majlis penyerahan sumbangan ini membabitkan peruntukkan sebanyak RM7,463,700.00 disampaikan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Shahrul Azam bin Shaari dan Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Bakri bin Lee.

Semua golongan yang menerima bantuan zakat mendapat manfaat dan menggunakan wang tersebut dengan sebaiknya

RM7,463,700.00





Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) mengambil peranan bagi memastikan semua golongan yang menerima wang zakat mendapat manfaat dan menggunakan wang tersebut dengan hikmah.

Program ini memfokuskan penyerahan Bantuan Persekolahan dan Kit Kesihatan Pelajar serta sumbangan kebajikan meliputi NGO Islam, Pusat / Rumah Anak Yatim, Persatuan Mubaligh Islam, Pusat Jagaan Warga Emas & Belia Bermasalah Muslim, Pertubuhan Kebajikan (Aman Palestin dan Syria Care), Yayasan Institut Jantung Negara dan Majlis Kanser Nasional (MAKNA).

OBJEKTIF

1. Berperanan memastikan anak-anak asnaf dan anak-anak yatim tidak tercicir dalam pembelajaran kerana ketidakmampuan kewangan yang mencukupi bagi pembelian keperluan persekolahan.
2. Membantu mengekalkan kesihatan dan meningkatkan tahap kesedaran kepentingan kesihatan kepada anak-anak asnaf.
3. Membantu semua NGO Islam dan Pertubuhan Kebajikan merancang dan mengkoordinasi aktiviti persatuan supaya lebih efisien dan teratur.
4. Membantu menampung perbelanjaan sara diri anak-anak yatim dalam bentuk perkapita.
5. Membantu hal ehwal pengurusan pusat-pusat jagaan agar kebajikan dan para penghuni sentiasa terjamin dan terpelihara.
6. Menggalakkan pertubuhan-pertubuhan kebajikan bergerak lebih aktif dalam usaha dakwah dan kebajikan.
7. Melaksanakan pengagihan zakat yang lebih menyeluruh dengan kerjasama pelbagai pihak dalam menaikkan kualiti kehidupan asnaf.

IMPLIKASI KEWANGAN

BIL	SENARAI PERSATUAN / PERTUBUHAN	SUMBANGAN / BANTUAN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH SUMBANGAN / BANTUAN	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1	Jabatan Pelajaran Negeri	Bantuan Persekolahan	25,726	200.00	5,145,200.00
2	Jabatan Pelajaran Negeri	Sumbangan Kit Kesihatan Pelajar	-	-	700,000.00
3	NGO Islam Negeri Perak	Sumbangan Kebajikan	28	10,000.00	280,000.00
4	Persatuan Mubaligh Islam Negeri Perak	Sumbangan Kebajikan	8	5,000.00	40,000.00
5	Pusat Jagaan Warga Emas & Belia Bermasalah (Muslim) Negeri Perak	Sumbangan Kebajikan	8	-	329,000.00
6	Pusat / Rumah Anak Yatim	Bantuan Persekolahan	499	200.00	99,800.00
7	Pusat / Rumah Anak Yatim	Bantuan Perkapita	499	300.00	149,700.00
8	Pertubuhan Aman Palestin	Sumbangan Aktiviti Kemanusiaan	1	-	10,000.00
9	Pertubuhan Syria Care	Sumbangan Aktiviti Kemanusiaan	1	-	10,000.00
10	Majlis Kanser Nasional (MAKNA)	Bantuan Perubatan	1	-	700,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			26,771		7,463,700.00

KAD PRABAYAR VISA GOPAYZ - MAIPK (TA'AWUN)

MENAWARKAN PERKHIDMATAN KEWANGAN MESRA MUSLIM YANG PERTAMA DI MALAYSIA



IPOH, 1 Disember 2020 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) melancarkan Kad Prabayar Visa GoPayz-MAIPK (Ta'awun) melalui laman Facebook MAIPK iaitu Zakat Perak-MAIPK dan Waqaf Perak Ar-Ridzuan. Kad Prabayar ini boleh didapati secara fizikal ataupun maya, dikeluarkan oleh MAIPK dengan kerjasama GoPayz, iaitu e-wallet universal yang dibangunkan oleh U Mobile bertujuan membantu masyarakat Islam dengan menawarkan suatu produk kewangan digital terkini dengan pematuhan syariah untuk berbelanja dan menunaikan ibadah rukun dan sunat (muamalah) secara mudah yang pertama seumpamanya antara institusi agama Islam di Malaysia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Shahrul Azam bin Shaari, MAIPK sentiasa komited memperkasakan pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam khususnya menerusi medium zakat dan wakaf. Inisiatif baharu ini memfokuskan semangat ta'awun (bantu-membantu) di mana MAIPK dan masyarakat saling bekerjasama secara tidak langsung untuk mengumpulkan dana wakaf tunai dan mewujudkan projek wakaf yang berdaya saing. Setiap perbelanjaan di premis terpilih akan membolehkan pelanggan mengumpul mata ganjaran yang akhirnya akan ditukarkan kepada hasil wakaf tunai. MAIPK seterusnya akan membangunkan projek-projek wakaf yang bersesuaian untuk kembali dimanfaatkan oleh masyarakat dalam negeri Perak. Pelancaran produk ini juga tepat pada masanya, di mana kita berusaha meminimalkan pergerakan fizikal dengan mengutamakan transaksi dalam talian.

Kad Prabayar ini berfungsi seperti Kad Debit Bank, para pelanggan boleh berbelanja di semua premis yang mempunyai terminal kad VISA dalam dan luar negara serta membuat pengeluaran tunai di terminal ATM. Walaupun konsep penggunaannya sama seperti Kad Debit Bank namun Kad Prabayar ini tidak memerlukan pengguna mempunyai akaun bank dan ia hanya menggunakan perkhidmatan kewangan digital yang berdaftar di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) iaitu e-wallet GoPayz. Ciri keselamatan Kad Prabayar ini adalah mengikut peraturan yang digariskan oleh Bank Negara Malaysia dan ianya

dipertingkatkan lagi melalui aplikasi GoPayz, di mana pemegang kad juga boleh menyekat penggunaan kad melalui aplikasi GoPayz sekiranya kehilangan kad atau terdapat sebarang transaksi meragukan dengan serta merta. Kad ini juga produk "Mesra Muslim" iaitu menyekat transaksi yang tidak menepati Syari'ah seperti transaksi melibatkan perjudian, arak dan lain-lain.

Kad Prabayar VisaGoPayz-MAIPK (Ta'awun) ini juga ditawarkan kepada semua pengguna di seluruh Malaysia dan boleh digunakan untuk pembayaran zakat, wakaf dan derma khususnya di negeri Perak. Kad ini memudahkan pengguna untuk membuat pelbagai bayaran bukan sahaja perkhidmatan MAIPK bagi bayaran zakat, wakaf tunai dan derma malah perbelanjaan bulanan seperti bil utiliti dan membeli belah melalui medium aplikasi e-wallet GoPayz.


Selain membuat semakan penyata transaksi secara real-time, aplikasi GoPayz juga dilengkapi Kalkulator Zakat bagi taksiran zakat sebelum membuat bayaran serta kemudahan potongan bayaran zakat secara ansuran bulanan. Pengguna juga boleh mendapat mata ganjaran (GoPointz) bagi transaksi Zakat, Wakaf Tunai dan Derma dengan MAIPK serta mata ganjaran (GoPointz) dengan syarikat atau premis lain yang terpilih. Mata ganjaran Kad Ta'awun membolehkan ianya diwakafkan terus kepada MAIPK, memberi keistimewaan dan peluang kepada pengguna untuk menambah ibadah wakaf tanpa mengeluarkan tunai dengan Program Penukaran Automatik GoPointz kepada Wakaf Tunai MAIPK.



MAIPK MEMPERKENALKAN SHOPEE SEBAGAI MEDIUM BAYARAN TERBAHARU BAGI BAYARAN ZAKAT

IPOH, 15 Disember 2020 – Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengumumkan Shopee sebagai medium bayaran atas talian terbaharu bagi bayaran zakat. Pihak MAIPK sentiasa komited memperkasakan khidmat pelanggan bagi memudahkan pembayaran zakat. Pelantikan medium bayaran zakat melalui platform e-dagang, Shopee seiring dengan perkembangan terkini iaitu masyarakat semakin memilih transaksi bayaran dan pembelian atas talian yang lebih mudah dan cepat. Selain itu, dalam tempoh negara masih lagi terhad pergerakan ekoran pandemik Covid-19, transaksi atas talian adalah pilihan yang lebih selamat.

Orang ramai terutama umat Islam di Perak boleh membayar zakat menerusi aplikasi Shopee mulai 18 Disember ini melalui dompet mudah alih ShopeePay, Kad Debit, perbankan atas talian dan pembayaran secara tunai di kaunter 7-Eleven. Kerjasama bersama Shopee ini akan memberi kemudahan kepada ramai pengguna Shopee yang beragama Islam untuk melaksanakan ibadah zakat khususnya di Negeri Perak dan hasil kutipan zakat ini seterusnya akan diagihkan dan memanfaatkan golongan asnaf. Para pengguna boleh membayar zakat melalui 'Deals, Top-ups & Bills' dalam aplikasi Shopee dengan mengikuti langkah-langkah yang mudah.



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

MAKLUM BALAS
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
BERKENAAN LANTIKAN SHOPEE

SHOPEE SEBAGAI SALAH SATU INSTRUMEN BAYARAN ZAKAT ONLINE DAN BUKANNYA SEBAGAI AMIL ZAKAT

Medium bayaran zakat baharu Shopee diwujudkan sebagai salah satu INSTRUMEN BAYARAN (wasilah) sahaja dan ia bukanlah dikategorikan sebagai AMIL ZAKAT. Berkenaan maklum balas netizen di media sosial tentang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah melantik Shopee sebagai Amil, adalah tidak benar sama sekali. Syarat pelantikan amil bagi menguruskan zakat telah banyak diperbincangkan oleh para ulama dan ia telahpun menjadi suatu panduan yang dipersetujui ramai sehingga kini. Sehubungan itu, bagi menguruskan hal-hal berkaitan kutipan dan agihan zakat semasa, sudah tentu MAIPK mengamalkan inovasi dan pendekatan yang terkini mengikut keadaan semasa. Sama halnya evolusi pelaksanaan ibadah zakat yang berlaku dalam masyarakat berkaitan membayar zakat temakan dan tarzaman dengan haiwan atau beras secara fizikal kemudian ditukarkan dengan hanya menggunakan nilai wang. Kemudiannya, wang tidak lagi dibawa secara fizikal tetapi terus dipindahkan ke Pusat Zakat melalui transaksi bank dalam talian dan sebagainya bagi memudahkan urusan bayaran zakat.

MAIPK mula melantik Bank Simpanan Nasional dan Pos Malaysia sebagai ejen kutipan pertama sejak tahun 2005. Bermula tahun berkenaan, kaedah ini terus diperkukuhkan dengan melantik kebanyakan bank berdaftar di Malaysia dan pelbagai ejen kutipan seperti MYEG, JomPay, Gopay, SnapnPay dan lain-lain. Bagi tahun 2020 ini, suatu lagi inisiatif pilihan

1

baharu kepada masyarakat adalah melalui lantikan Shopee. Pelantikan ejen-ejen tersebut dibuat berdasarkan suatu perjanjian yang ketat dan mematuhi garis panduan Bank Negara Malaysia dan Akta PDPA 2010 berkenaan jaminan kerahsiaan maklumat pengguna. Ejen-ejen yang dilantik tidak menyimpan atau melaburkan hasil kutipan zakat malah terus memindahkan ke akaun zakat MAIPK pada hari yang sama tanpa mengambil manfaat dari Kadar Keuntungan Semataman (Overnight Placement). Sebagai balasan daripada perkhidmatan yang disediakan pihak Shopee, MAIPK membayar caj perkhidmatan sahaja melalui peruntukan bajet operasi Amil yang telah diperuntukkan dalam perbelanjaan tahunan yang diluluskan. Ia juga tidak melibatkan bahagian dari jumlah zakat yang dibuat oleh pembayar zakat serta menggunakan peruntukan agihan zakat bagi asnaf-asnaf yang lainnya.

Menurut kenyataan Visa dan Mastercard Malaysia, krisis kesihatan dan sekatan pergerakan menyebabkan pembayaran tanpa tunai meningkat hanya dalam tempoh beberapa bulan, bersamaan tiga tahun nilai pertumbuhan. Malaysia mencatatkan transaksi pembayaran tanpa tunai yang tinggi berbanding pasaran Asia Tenggara yang lain. Pada April 2020, jumlah pengguna Malaysia yang melakukan pembayaran tanpa tunai naik 18 peratus, dengan kad kredit dan debit menjadi penerima manfaat utama untuk trend tanpa tunai di Malaysia. Dalam tempoh sama, penggunaan tunai merosot dengan ketara sebanyak 64 peratus, dan jumlah mereka yang menggunakan kad kredit dan debit tanpa sentuhan, masing-masing naik 22 peratus dan 26 peratus. (dipetik Bemama, 11 Ogos 2020).

MAIPK sentiasa bersedia untuk berbincang dengan mana-mana pihak untuk menambah baik atau meningkatkan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Masyarakat boleh memilih mana-mana saluran bayaran yang difikirkan sesuai dan selesa dengan prinsip atau pilihan masing-masing. Saya juga menyeru kepada semua pihak agar terus merujuk terlebih dahulu kepada pihak yang berwajib sebelum membuat sebarang ulsan sehingga ia bakal merugikan keharmonian dan usaha-usaha yang telah diatur untuk membangunkan ummah.

-TAMAT-


(SHAHRUL AZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
21 Disember 2020

2

PROGRAM ZIARAH ASNAF PENGKALAN HULU

PENKALAN HULU, 2 November 2020 - MAIPK Pengkalan Hulu telah mengadakan Program Santunan Kasih Asnaf anjuran bersama Pejabat Agama Islam Daerah, Majlis Belia Daerah dan Jawatankuasa Kariah, Masjid Daerah Pengkalan Hulu. Seramai 10 keluarga asnaf dikunjungi dan disantuni di sekitar daerah ini. Pelbagai bantuan telah disalurkan dan MAIPK turut mempertimbangkan bantuan bersesuaian kepada asnaf. Program ziarah ini telah membantu pihak MAIPK menyelami pelbagai permasalahan asnaf. Semoga usaha sama ini dapat memberi impak yang baik kepada asnaf serta meringankan bebanan mereka.



PROGRAM ZIARAH ASNAF LENGGONG

LENGGONG, 2 November 2020 - MAIPK Lenggong telah menyantuni lima buah rumah golongan asnaf di sekitar Lenggong. Bantuan disampaikan oleh Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong, Encik Mohd Ariffullah Bin Mashudi. Turut hadir Penghulu Mukim Lenggong, Encik Noor Adzahar Bin Mohd Yunus dan pegawai - pegawai MAIPK. MAIPK telah menyampaikan sumbangan wang tunai serta mempertimbangkan bantuan susulan seperti Bantuan Sewa Rumah, Bantuan Perubatan, Bantuan Bina Rumah dan Bantuan Baik pulih Rumah kepada asnaf. Program ini bertujuan membantu meringankan beban dan memberikan keceriaan kepada para asnaf terutamanya dalam situasi sekarang ramai penduduk kampung yang turut terkesan dengan pandemik COVID-19. Nasib golongan asnaf sentiasa menjadi perhatian MAIPK dan semoga golongan asnaf ini dapat menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik.



AGIHAN KOTAK MAKANAN DAN BERAS KEPADA MANGSA BANJIR



IPOH, 27 November 2020 – MAIPK telah turun padang menziarahi mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Parit Hj.Aman dan PPS SK Changkat Lobak. Agihan kotak makanan telah disampaikan kepada 95 orang mangsa banjir di dua lokasi tersebut. Bantuan ini telah disampaikan oleh Orang Besar Jajahan Daerah Kerian, YBhg. Orang Kaya Shahbandar Paduka Indera Ahmad Raziff bin Dato' Seri Mohamad Zulkifli. Turut hadir bersama ke ziarah ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, YB. Datuk Dr. Wan Norashikin binti Wan Noordin, Pegawai Daerah Kerian, YBrs. Tuan Haji Mohd. Sabli bin Bakri, Pengarah JKM Negeri Perak serta Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai dan Parit Buntar.



MAIPK TAJA PENERBANGAN

GRADUAN TAMAT PENGAJIAN DI MESIR



IPOH - Buat julung kalinya MAIPK menjalankan Program Sirih Pulang Ke Gagang Tahun 2020 yang merupakan program bagi membantu para graduan yang telah tamat pengajian pulang dengan selamat ke pangkuan keluarga. Seramai 17 orang peserta kumpulan pertama program tersebut telah selamat tiba di KLIA pada 24 November 2020. Kumpulan ini merupakan sebahagian daripada 86 orang graduan yang telah menamatkan pengajian di negara Mesir melibatkan Universiti Al Azhar, Universiti Iskandariah, Universiti Mansoura, Universiti Zagaziq dan Universiti Tanta bagi sesi pengajian 2019 / 2020.

Selanjutnya kumpulan kedua yang akan pulang pada bulan Disember adalah seramai 25 orang pelajar. Pelajar-pelajar yang pulang melalui program ini merupakan pelajar tajaan MAIPK dan keseluruhan kos yang akan dibelanjakan adalah sebanyak **RM209,160.00**.

Sementara itu, graduan terbaik bidang Sains Kesihatan bagi sesi pengajian kali ini adalah Dr. Nur Farah Zulienna binti Mohd Yusof yang memperolehi pangkat *Mumtaz*. Manakala bidang Pengajian Islam pula ialah Ustaz Muhammad Yusof Kamal bin Buang dengan pangkat *Jayyid Jiddan Bil Martabati Syaraf*. Pihak MAIPK mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang. Terima kasih kepada semua pembayar zakat yang telah merealisasikan usaha ini.



ASNAF TERIMA BANTUAN BINA RUMAH



Pegawai Baitulmal Daerah Bagan Serai, Tuan Haji S. Daud Bin Shehamy Telah Menyerahkan Kunci Rumah Kepada Tiga Penerima Bantuan Bina Rumah Iaitu Encik Bharudin Bin Mokhtar, Tapri Bin Sabran Dan Hasnah Binti Sabran Di Parit Ali Kalang Pada 13 Oktober 2020. Rumah Kediaman Mereka Bertiga Sebelum Ini Telah Hangus Terbakar Dijilat Api Pada Kejadian Bulan Disember 2019 Yang Lalu.



Penyerahan Kunci Kepada Encik Shahrudin Bin Md Darus Di Kg. Sg. Kerawai Pada 25 November 2020.



Encik Zul-Azri Bin Hosaini, Pegawai Baitulmal Daerah Teluk Intan Menyerahkan Kunci Kepada Penerima Pada 19 Oktober 2020.



Empat Penerima Encik Arjami Di Kg. Air Hitam Teluk Intan, Encik Rosman Di Kg. Mukim Sg Durian, Encik Mohd Fadli Di Parit 12A Sg. Manik Dan Encik Muhammad Rizan Yang Tinggal Di Lorong Sekolah Sg. Kerawai Mukim Durian Sebatang Pada 11 Disember 2020.

SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPK



Sumbangan Bantuan Kewangan Dan Katil Beserta Tilam Angin Kepada Encik Azman Bin Ahmad Di No. 26, Kampung Tebok Yan, Pantai Remis Pada 12 September 2020



Sumbangan Bantuan Barang Keperluan Makanan Kepada Puan Suzana Binti Halimin Di No. 259, Lorong Sejati 9, Taman Sejati Suria 3, Sitiawan Pada 14 September 2020



Tiga Set Hospital Manual Bed 2 Function Kepada Tiga Penerima Bantuan Perubahan Iaitu Encik Roslan Bin Omar, Encik Mohd Shukor Bin Sharom Dan Bidin Bin Abas Di Bagan Serai Pada 16 Oktober 2020



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Encik Irwan Hakimi Bin Ramlan Di No. 36, Parit Haji Dollah, Kg. Sungai Tiram Lekir, Sitiawan Pada 10 September 2020



Penyerahan Bantuan Susu Dan Lampin Pakai Buang Kepada Che Li Bin Mohd Arshad Di Kg. Tanjung Lengkok Pada 16 Oktober 2020



Penyerahan Bantuan Susu Dan Lampin Pakai Buang Kepada Pn. Zaleha Di Kg. Sungai Lempong Pada 16 Oktober 2020



Penyerahan Bantuan Katil, Susu Dan Lampin Pakai Buang Kepada Puan Minah Binti Desa Di Felda Ijok Pada 16 Oktober 2020.



Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Adik Muhammad Khairul Ikmal Bin Abdul Rahim Yang Menghidapi Sakit Buah Pinggang Kronik Di Kubu Gajah, Selama 9 Disember 2020

BEBERAPA TIPS BAGI PENYEGERAAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH

OLEH:

**HAJI MOHAMMAD TAIFOR BIN AHMAD RUSDI
HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH NEGERI PERAK**

Latar belakang

Umum mengetahui bahawa kebanyakan pelanggan-pelanggan atau pihak-pihak yang memfailkan tindakan atau permohonan di Mahkamah Syariah tidak menggunakan khidmat Peguam Syarie. Keadaan ini berlaku disebabkan pelbagai faktor. Namun sebahagian besar daripada mereka ini apabila ditanya mengapa memilih untuk tidak menggunakan khidmat Peguam Syarie, alasan utama mereka adalah tidak mampu, yakin boleh membuat tindakan bersendirian dan fi perkhidmatan yang dikenakan oleh Peguam Syarie agak tinggi.

Walau apa pun alasan mereka ini, pada hakikatnya, banyak kebaikan yang pihak-pihak akan perolehi apabila mereka melantik Peguam Syarie bagi bertindak mewakili diri mereka di dalam prosiding di Mahkamah Syariah. Malah Kerajaan juga menyediakan perkhidmatan Peguam Syarie di Jabatan Bantuan Guaman. Sudah pasti ada syarat-syarat dan peraturan tertentu apabila mereka ingin menggunakan khidmat Peguam Syarie daripada Jabatan Bantuan Guaman. Dalam masa yang sama, terdapat juga badan-badan Peguam yang menyediakan perkhidmatan Peguam Syarie secara percuma atau dengan fi yang minima di dalam membantu pihak-pihak yang layak untuk mengambil tindakan atau permohonan di Mahkamah Syariah.

Pihak-pihak yang diwakili oleh Peguam Syarie akan mendapat nasihat yang betul dan tepat dari segi perundangan dan hukum syarak. Mereka ini tidak mempunyai masalah untuk menyediakan pliding atau dokumen yang perlu ke dalam Mahkamah. Malah semasa di dalam perbicaraan. Pihak-pihak juga hanya akan membantu memberi maklumat, fakta dan pembuktian yang sesuai dan relevan. Kesemua ini akan dibantu oleh Peguam Syarie untuk dikemukakan kepada semasa perbicaraan di dalam Mahkamah. Peguam Syarie juga akan mendapatkan tarikh-tarikh yang lapang yang bersesuaian dengan Mahkamah untuk prosiding di Mahkamah. Dalam keadaan tertentu, memadai Peguam Syarie sahaja yang hadir ke dalam Mahkamah bagi mewakili anak guam mereka.

Apabila senario ini menjadi kebiasaan di Mahkamah Syariah, maka tidak hairanlah berlaku banyak persepsi atau anggapan yang salah oleh masyarakat awam tentang Mahkamah Syariah. Pelbagai anggapan dan persepsi negatif dilontarkan kepada Mahkamah Syariah. Tuduhan seperti tatacara yang cerewet, menyusahkan, kerap kali penangguhan, tunggakan kes, kakitangan tidak membantu dan mahkamah berat sebelah sering dimomokkan dan menjadi isu kepada orang ramai.

Menyedari mengenai permasalahan inilah, penulisan ini cuba akan berkongsi kepada orang awam atau pihak-pihak yang akan atau sedang berurusan di Mahkamah Syariah mendapat beberapa tips yang boleh menjadi panduan awal kepada mereka bagaimana untuk memastikan kes mereka dapat disegerakan. Secara umumnya, berdasarkan pengetahuan dan pengalaman penulis, terdapat 3 bahagian utama yang perlu difahami oleh orang ramai atau pihak-pihak bagi prosiding di Mahkamah Syariah. Pambahagian tersebut adalah seperti berikut;

1. Peringkat Pra-perbicaraan
2. Peringkat Perbicaraan
3. Peringkat Pasca Perbicaraan

Orang ramai atau pihak-pihak perlu tahu di mana kedudukan kes mereka berada. Ini penting bagi memastikan kes mereka dapat

diuruskan dengan sebaiknya bagi memastikan penyegeraan penyelesaian kes mereka di Mahkamah Syariah.

1. Peringkat Pra-Perbicaraan

Bagi peringkat Pra Perbicaraan ini, terdapat beberapa lagi pecahan tips yang penulis ingin kongsi dengan pembaca. Jangan bimbang kerana pengolahan penulisan ini akan dibuat secara mudah dan senang difahami. Berikut adalah beberapa tips yang perlu anda ketahui pada peringkat Pra Perbicaraan.

- a. Tahu dan faham bidangkuasa dan hierarki mahkamah di Mahkamah Syariah
- b. Tahu dan faham jenis kes yang ingin difailkan
- c. Penyediaan dokumen atau pliding
- d. Penyampaian Saman atau Notis
- e. Sebutan dan Pengurusan Kes

a. Tahu dan faham Bidangkuasa dan Hirarki Mahkamah di Mahkamah Syariah

Bagi siri 1 ini, penulis ingin berkongsi kepada pembaca dan orang ramai mengenai asas utama yang perlu kita tahu sebelum memfailkan apa-apa kes di Mahkamah Syariah. Persoalannya kenapa ia sangat perlu diketahui? Ia adalah bagi menentukan Mahkamah Syariah manakah yang berbidangkuasa menyebut, membicarakan dan memutuskan kes anda. Maklumat ini amat mudah kita perolehi daripada laman sesawang rasmi Mahkamah Syariah di Malaysia ini. Sesuai dengan kemudahan teknologi terkini, penulis beranggapan pencarian maklumat ini adalah amat mudah kerana semua berada di hujung jari kita.

Perlu diingat bahawa Mahkamah Syariah adalah Mahkamah yang ditubuhkan di bawah peruntukan negeri-negeri di Malaysia. Tips pertama ini sangat penting. Secara amnya sebelum kita memfailkan kes di Mahkamah Syariah kita perlu tahu Mahkamah manakah yang mempunyai bidangkuasa kepada kes yang kita akan failkan. Menyentuh mengenai bidangkuasa dan hirarki ini, terdapat 2 isu yang orang awam perlu tahu. Pertama, bidangkuasa tempatan iaitu negeri dan daerah mana Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang boleh menyebut, membicarakan dan memutuskan kesnya.

Kedua, dari sudut hierarki Mahkamah pula. Pada peringkat manakah kes yang akan difailkan itu perlu difailkan. Ini kerana pada setiap hierarki Mahkamah itu, terdapat peruntukan perundangan yang menjelaskan bidangkuasa Mahkamah-mahkamah ini. Negeri Perak adalah satu-satunya negeri yang mempunyai 4 peringkat hierarki mahkamah. Bermula daripada Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Utama Syariah. Mengetahui perbezaan bidangkuasa setiap hierarki mahkamah ini akan membantu memudahkan anda memfailkan kes di Mahkamah Syariah.

Tidak akan timbul lagi dakwaan dan soal tolak menolak apabila kita benar-benar memahami kehendak peruntukan perundangan. Anda juga tidak akan membuang masa hadir ke kaunter Mahkamah dan petugas kaunter akan menjawab "Tuan atau Puan perlu memfailkan kes ini di negeri ini" atau "Tuan dan puan perlu ke Mahkamah Tinggi Syariah untuk memfailkan tindakan atau permohonan ini". Perlu diingat, pengetahuan yang lengkap dan kemaskini akan membantu memudahkan anda dan petugas kaunter Mahkamah di dalam membantu menguruskan kes anda.

b. Tahu dan faham jenis kes yang ingin difailkan

Penulis percaya, di zaman era teknologi yang semakin pesat membesar dan membangun ini, pencarian maklumat mengenai tajuk kecil ini adalah sangat mudah. Maksudnya ialah seseorang yang ingin berurusan di mana-mana Mahkamah Syariah di Malaysia ini, mereka perlu tahu dan faham dahulu tentang apa yang mereka ingin daripada Mahkamah. Apa isu dan permasalahan kekeluargaan yang mereka sedang hadapi. Pemahaman dan pengetahuan ini sangat penting bagi menentukan banyak perkara yang melibatkan hirarki dan prosedur di Mahkamah.

Caranya adalah mudah. Kita hanya perlu duduk dan bermuhasabah sebentar sambil berfikir masalah kekeluargaan yang kita sedang hadapi ketika ini. Contohnya, seorang isteri di dalam rumahtangganya menghadapi masalah dengan rumahtangganya. Suaminya seorang yang panas baran, terlibat dengan penyalahgunaan dadah, suka memukul dan tidak memberi nafkah. Isteri perlu berfikir dan hendaklah mendapatkan pandangan keluarga atau orang yang betul bagi memberi panduan tentang tindakan yang perlu dan wajar diambil. Si isteri perlu tanya kepada dirinya, apa yang dia inginkan untuk keluar dari permasalahan ini.

Pilihan-pilihan yang isteri ada berdasarkan masalah di atas adalah seperti berikut;

- i. Pertahankan rumahtangga dan mengharapkan suami akan berubah;
- ii. Bercerai dengan suaminya;
- iii. Perlindungan diri daripada perlakuan kasar suami;
- iv. Mendapatkan nafkah selayaknya untuk dirinya.

Ini adalah salah satu contoh pilihan-pilihan yang boleh dijana daripada contoh kes rumahtangga yang sangat popular di dalam masyarakat Melayu di negara kita. Persoalannya, mengapa perlunya si isteri ini memikirkan pilihan-pilihan seperti di

atas? Malah penulis pasti akan dilontarkan persoalan lain yang bertubi-tubi daripada pembaca. Apa perlunya kami para isteri memikirkan semua pilihan itu sedangkan kami memang telah sedia terseksa dengan perlakuan suami. Ia ditambah lagi kami kusut dan tidak boleh berfikir dengan sempurna apa yang terbaik buat kami. Bertenang wahai sang isteri. Pilihan ini perlu difikirkan kerana hanya anda sebagai isteri yang tahu apa yang anda inginkan. Oleh sebab itulah pilihan ini perlu diwujudkan di dalam pemikiran dan hati para isteri.

Melalui pilihan inilah, ia akan memudahkan para isteri untuk memahami dan mengambil tindakan selanjutnya sebelum merujuk kesnya di Mahkamah Syariah. Penulis cuba mengambil pilihan kedua sebagai misal dan pemudah cara untuk memberi kefahaman kepada para isteri. Apa relevannya pilihan ini kepada pemahaman yang akan memfokuskan kepada jenis kes yang ingin difailkan di Mahkamah Syariah. Jika isteri memilih di perenggan (ii) iaitu ingin bercerai dengan suaminya. Maka akan berlaku pula pilihan-pilihan selanjutnya. Ia berkembang secara dinamik dan ini akan memudahkan isteri memilih pilihan yang betul dan tepat di dalam membuat tindakan sewajarnya ke Mahkamah Syariah.


Kalau si isteri memilih untuk bercerai, dia mempunyai beberapa pilihan jenis perceraian yang sesuai dengan masalah yang sedang dihadapinya. Pilihan jenis perceraian yang ada adalah seperti berikut;

- a. Perceraian biasa secara lafaz daripada suami;
- b. Perceraian secara fasakh atau pembubaran perkahwinan melalui sabitan dan perintah Mahkamah; atau
- c. Perceraian secara taklik.

Bagi memudahkan pembaca memahami mengenai janaan pilihan serta cluster-kuluster yang akan wujud daripada pilihan tersebut, berikut ini penulis paparkan dalam bentuk gambar rajah.

RAJAH 1

Janaan pilihan: **(ii) Bercerai dengan Suami**



Pilihan jenis-jenis perceraian ini amat penting bagi menentukan hirarki mahkamah, penyediaan dokumen kes dan juga beban membuktikan sesuatu kes. Setiap jenis perceraian ini mempunyai implikasi tertentu dari segi Hukum Syarak dan juga perundangan. Ia juga boleh menentukan tahap beban pembuktian kes di Mahkamah kelak. Melalui kaedah ini, isteri boleh membuat carian maklumat selanjutnya daripada laman sesawang rasmi Mahkamah Syariah. Setelah jelas dengan pilihan jenis kes ini, maka mudah bagi isteri atau orang ramai untuk mengambil langkah seterusnya iaitu memilih untuk hadir ke Mahkamah Syariah yang mempunyai bidangkuasa bagi kes itu. Dalam masa yang sama petugas kaunter Mahkamah juga akan mendapat maklumat yang jelas mengenai jenis kes yang dipilih. Ini akan membantu penyegeraan pemfailkan kes di Mahkamah.

Bagi janaan pilihan di dalam Rajah 1 di atas, kesemua kuluster yang dipilih sepatutnya dirujuk di Mahkamah Rendah Syariah di mana mereka bermastautin atau pun bermukim. Ini diperuntukkan di dalam seksyen 17 (2) (b) (i) Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2019 seperti berikut;

- “(2) Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –
- (a)
 - (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu

ialah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan –

- (i) pertunangan, perkahwinan, rujuk, perceraian, pembatalan perkahwinan (fasakh), nusyuz, pemisahan kehakiman (faraq) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan antara suami dan isteri;”

Namun perlu diingat, tidak semua masalah boleh diselesaikan dengan pilihan yang sama. Ada ketikanya kes boleh selesai tidak sampai 10 minit sahaja di Mahkamah Syariah melalui pilihan pertama (a) di atas. Pada ketika kes difailkan, kebetulan kedua-dua pihak, suami dan isteri hadir bersama dan kedua-duanya bersetuju untuk bercerai. Mahkamah akan merekodkan butiran-butiran persetujuan lain sekiranya ada. Setelah itu Mahkamah boleh membenarkan perceraian dengan membenarkan suami melafzkan cerai terhadap isterinya. Kes tamat dan selesai.

Tidak semua pihak akan dapat memperolehi keputusan dan penyelesaian kes yang segera berdasarkan pilihan-pilihan tersebut. Ia sekurang-kurangnya akan menjimatkan masa pihak-pihak dan mahkamah kerana mereka telah mempunyai maklumat yang secukupnya serta sedar jenis kes yang akan difailkan di Mahkamah. Ingat, berpengetahuan dan bermaklumat sebenarnya banyak akan menjimatkan masa kita dan Mahkamah.

Berita Sana Sini



**PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN
SYARIKAT PERCETAKAN NASIONAL
MALAYSIA BERHAD (PNMB)
DI KOMPLEKS ISLAM
DARUL RIDZUAN
PADA 26 OKTOBER 2020**

**PERSIDANGAN MAJLIS
AGAMA ISLAM DAN 'ADAT
MELAYU PERAK KALI KE-214
DI KOMPLEKS ISLAM
DARUL RIDZUAN
PADA 26 OKTOBER 2020**



**PENYERAHAN ZAKAT
PERNIAGAAN MBSB BANK
DI KOMPLEKS
ISLAM DARUL RIDZUAN
PADA 20 NOVEMBER 2020**

**PERSIDANGAN MAJLIS
AGAMA ISLAM DAN 'ADAT
MELAYU PERAK KALI KE-215
DI KOMPLEKS ISLAM
DARUL RIDZUAN
PADA 24 DISEMBER 2020**



Tunaikan

ZAKAT DAN BERWAKAF KEPADA MAIPK

KAEDAH BAYARAN

ZAKAT - MAIPK

- 19 Kaunter MAIPK seluruh Negeri Perak
- Amil / Perunding
- Kaunter Pos Malaysia

WAKAF PERAK AR-RIDZUAN

- 19 Kaunter MAIPK seluruh Negeri Perak
- Wakil kutipan / Amil

POTONGAN GAJI ONLINE

- epzb.maiamp.gov.my
- www.wakafperak.gov.my

SALURAN BAYARAN ONLINE

FPX melalui
https://ezakat.maiamp.gov.my

Agen-agen Kutipan Zakat :



JomPay :
Billier Code : 9027
Ref-1 : Nama Pembayar
Ref-2 : No. Telefon

Muat turun di Google Play & App Store



FPX melalui
www.wakafperak.gov.my

Internet Banking melalui
Maybank2u.com

EFT Akaun Maybank
558024315712
Waqaf Perak Ar-Ridzuan

JomPay :
Billier Code 29892
Ref 1 : Nombor yang dihasilkan dari janaan pendaftaran di www.wakafperak.gov.my

Muat turun di Google Play & App Store



KAD PRABAYAR VISA GOPAYZ MAIPK (TA'AWUN)

Kad Prabayar dengan e wallet GoPayz, Mudah berbelanja, Mudah beribadah.



Fungsi seperti kad debit bank



Pengeluaran Tunai di ATM seluruh dunia



Diperakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak

Satu Kad Dengan Pelbagai Kelebihan



Belanja di mana-mana sahaja dalam dan luar negara dengan VISA



Mata Ganjaran bagi pembayaran zakat, wakaf dan derma



CIRI-CIRI ISTIMEWA

WAKAF TANPA TUNAI MELALUI MATA GANJARAN

Mata ganjaran Kad Ta'awun membolehkan ianya diwakafkan terus kepada MAIPK, memberi keistimewaan dan peluang kepada pengguna untuk menambah ibadah wakaf tanpa mengeluarkan tunai dengan Program Penukaran Automatik GoPointz kepada Wakaf Tunai MAIPK.

Muat Turun di Google Play, App Store dan Huawei AppGallery



Shopee



Bayaran Zakat kini Lebih Mudah Bersama SHOPEE

BELANJA 'ONLINE', BERZAKAT 'ONLINE'

www.maiamp.gov.my

Zakat Perak-MAIPK Zakat Perak zakatperak_official MAIPK Official



SILA IMBAS KOD UNTUK MUAT TURUN

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

05-208 4000

korporat@maiamp.gov.my

www.maiamp.gov.my

Zakat Perak-MAIPK

Wakaf Perak Ar-Ridzuan